

ADVOKASI ILMUWAN

Membitara TRANSFORMASI & KESEJAHTERAAN MALAYSIA

EDITOR

RADUAN CHE ROSE | KAMARUDDIN M. SAID | MOHD IZANI MOHD ZAIN

MAJLIS
PROFESOR
NEGARA

Pemikir Negara



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERSILU BERSAMUT



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



ADVOKASI ILMUWAN

Membitara TRANSFORMASI & KESEJAHTERAAN MALAYSIA

EDITOR

RADUAN CHE ROSE | KAMARUDDIN M. SAID | MOHD IZANI MOHD ZAIN

Projek Kerjasama



Penerbit Universiti Putra Malaysia

Serdang • 2018

www.penerbit.upm.edu.my

PUSTAKA PERDANA



1011587

© Majlis Profesor Negara 2018
Cetakan Pertama 2018

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin dari Majlis Profesor Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MEMBITARA TRANSFORMASI DAN KESEJAHTERAAN MALAYSIA /

Penyunting: Raduan Che Rose . Kamaruddin M. Said . Mohd Izani Mohd Zain
ISBN 978-967-344-796-1

1. Transformational leadership--Malaysia.
 2. Malaysia--Social conditions. 3. Malaysia--Economic policy.
 4. Malaysia--Economic conditions.
 5. Government publications--Malaysia.
- I. Raduan Che Rose. II. Kamaruddin K.
III. Mohd. Izani Mohd. Zain.
303.34

Konsep & Reka letak teks: Muhammad Arif Sambudin & Sahariah Abdol Rahim @ Ibrahim
Reka bentuk kulit: Md. Fairus Ahmad

Rupa taip teks: Helvetica Neue LT Std
Saiz taip teks: 10/14pt

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-89468851/89468854
Faks: 03-89416172

303.34
MEM

KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH Pengerusi MPN	vii
SEULAS PINANG Timbalan Pengerusi MPN	ix
SECANGKIR Bicara Ketua Pegawai Eksekutif MPN	xi
SEKALUNG BUDI Ketua Pengarah Penyiaran RTM	xiii
SEINDAH Memori Ketua Pengarang Kumpulan Utusan	xv
PRAKATA	xvii
Pengenalan	1
ADVOKASI ILMUWAN	
1. GST: Langkah dan Kemelut ke Hadapan	9
2. Islam Tergugat?	23
3. Sistem Pemerintahan Malaysia Rapuh?	45
4. Pendidikan di Malaysia Goyah?	65
5. 2020: Jurang Semakin Melebar?	89
6. Kecerantauan: Jiran atau Sempadan?	107
7. Media Sosial: Positif atau Negatif?	127
8. Sudah Sejahterakah Rakyat Sarawak?	145
9. Nasib B40 Pantai Timur: Tiada Masa Depan?	167
10. Hab Halal: Malaysia Berjaya?	185
11. Umat Islam Menolak Sains?	203
12. Ke Mana Arah Tuju Bidang Pendidikan Tinggi Teknikal?	227
13. Sekuriti Makanan Negara: Sampai Bila?	245
14. Keusahawanan di Malaysia: Adakah Sudah Mencukupi?	263
15. Perumahan di Malaysia: Mampu Milik atau Mampu Tengok?	285
16. Ranking Universiti di Malaysia: Adakah Relevan?	305
17. Ketidakseimbangan Gender di IPTA: Perlu diubah?	321
18. Terjaminkah Keselamatan di Sabah?	339
19. Pencemaran Alam Sekitar: Tiada Penyelesaian?	363
20. Hubungan Universiti-Industri: Apa Masalahnya?	383
21. Benteng Pertahanan Negara: Ilmu Akademik atau Ketenteraan?	401
BIODATA PANEL	419
KERATAN AKHBAR	451
BIODATA PENULIS	459
LENSA MEMORI PENULISAN BUKU	465
PENGHARGAAN	469
INDEKS	471



Sekapur Sireh



Assalamualaikum warahmathullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertamanya, jutaan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penghasilan buku *Membitara Transformasi dan Kesejahteraan Malaysia* ini. Prakarsa untuk membukukan hasil perbincangan para panel dalam program yang diadakan sebulan sekali ini dapat memberi peluang kepada rakyat bagi melihat pelbagai isu strategik negara dengan lebih dekat.

Sesungguhnya, langkah ini begitu tepat bagi memberi kefahaman kepada semua pihak untuk mendalami isu nasional disebabkan perbincangan para panel dalam program tersebut telah didokumentasi dan dikompilasikan dalam sebuah buku yang boleh dibaca secara berulang-ulang kali.

Lebih menarik, buku ini turut menambah penjelasan mengenai kupasan panel-panel jemputan bagi memberi kefahaman kepada para pembaca. Terima kasih juga diucapkan kepada penulis-penulis MPN yang berusaha untuk memberi kefahaman dengan lebih jelas.


Saya berharap buku ini menjadi pilihan untuk dijadikan rujukan kepada pihak yang mahu mendalami isu-isu strategik negara daripada kaca mata golongan ilmuwan.

PROFESOR TAN SRI ZAKRI ABDUL HAMID

Pengerusi Majlis Profesor Negara



Seulas Pinang



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Idea untuk mengumpulkan rakaman-rakaman program ini dalam sebuah kompilasi buku memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat sesuatu isu dengan lebih dekat. Apabila rakaman-rakaman yang meliputi pelbagai isu strategik negara ini diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan, sudah pasti ia akan memberi peluang kepada pembaca untuk melihat kupasan sesuatu isu dengan lebih jelas berbanding menonton rakaman semata-mata secara tidak langsung memberi kepuasan untuk menelaahnya.

Program Advokasi Ilmuwan ini pada pertama kalinya diadakan pada 26 Mei 2015 dengan tajuk pada ketika itu adalah “Terjaminakah Keselamatan ASEAN?” yang berlangsung di ibu pejabat Utusan Malaysia di Kuala Lumpur. Kemudiannya diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada bulan berikutnya dengan tajuk pilihan, “GST: Langkah dan Kemelut di Hadapan”.

Pemilihan isu strategik berkenaan telah berjaya menarik perhatian orang ramai untuk menonton program ini kerana menampilkan panel yang terdiri daripada golongan ilmuwan dan pakar dalam bidang masing-masing untuk berdiskusi dengan wakil-wakil pihak berkepentingan berhubung sesuatu isu. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk merealisasikan impian menterjemahkan rakaman-rakaman diskusi para ilmuwan ini dalam bentuk buku.

PROF. ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

Timbalan Pengerusi Majlis Profesor Negara



Secangkir Bicara



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Penerbitan buku *Membicara Transformasi dan Kesejahteraan Malaysia* ini adalah medium kepada Majlis Profesor Negara (MPN) untuk berkongsi idea dan kepakaran dengan rakyat Malaysia. Buku ini menghimpunkan koleksi rakaman 21 Program Advokasi Ilmuwan dalam bentuk penulisan yang menampilkan para ilmuwan terdiri daripada pelbagai latar belakang kepakaran membincangkan isu strategik negara meliputi ekonomi, politik, keselamatan, pertanian, alam sekitar, governan, pendidikan, pembangunan sosial, sains dan teknologi serta pelbagai lagi.

Penghasilan buku ini secara tidak langsung dapat memperluas fungsi advokasi sosial Badan Pemikir ini memperjelas isu-isu strategik dan semasa negara kepada masyarakat. Buku ini membolehkan orang ramai meneliti dialog golongan ilmuwan dengan orang ramai khususnya warga universiti dan pihak industri berkaitan dalam mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang dibincangkan dalam sesebuah sesi rakaman.

Oleh itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Utusan Malaysia, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan seluruh universiti awam (UA) kerana berjaya mewujudkan sebuah sinergi strategik untuk menghasilkan sebuah program rakaman berimpak tinggi kepada masyarakat. Semoga kerjasama ini akan diteruskan pada masa hadapan demi membantu memacu pembangunan negara. Untuk makluman, MPN yang menjadi payung kepada lebih 2,900 profesor universiti awam dan swasta di Malaysia tidak pernah berhenti mengatur strategi menawarkan perkongsian input kepakaran akademik kepada negara.

Semoga penghasilan buku ini dapat dijadikan rujukan kepada semua pihak berkepentingan untuk memahami segala sumbangan idea yang telah diberikan oleh golongan ilmuwan melalui program rakaman ini. Syabas diucapkan kepada semua pihak terlibat termasuklah penulis-penulis tamu MPN yang berusaha untuk merealisasikan penerbitan buku ini.

PROFESOR DATUK. DR. RADUAN CHE ROSE

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Profesor Negara



Sekalung Budi



Assalamualaikum warahmathullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengucapkan jutaan terima kasih kepada Majlis Profesor Negara (MPN) dan Utusan Malaysia kerana berjaya mewujudkan kerjasama dengan RTM dalam merealisasikan Program Advokasi Ilmuwan yang sentiasa menampilkan topik berkaitan isu-isu negara.

Tidak dapat dinafikan, penglibatan golongan ilmuwan dalam setiap sesi rakaman sesuatu isu dapat menghangatkan suasana sesi perbincangan dan secara tidak langsung dapat menarik perhatian para penonton untuk menyaksikannya.

Saya berpendapat, tindakan untuk membukukan 21 siri rakaman Program Advokasi Ilmuwan yang telah dijalankan di universiti awam (UA) di seluruh negara merupakan langkah wajar dalam memastikan segala kupasan dan perdebatan dalam sesi rakaman tidak hanya disimpan dalam bentuk video semata-mata. Penghasilan buku ini memberi ruang kepada penonton untuk memahami isu yang dibincangkan dengan lebih mendalam.

Sudah pasti, penerbitan buku *Membitara Transformasi dan Kesejahteraan Malaysia* ini merupakan sesuatu yang dinantikan oleh semua pihak.

Syabas diucapkan untuk usaha murni ini.

DATO' HAJI ABU BAKAR AB. RAHIM

Ketua Pengarah Penyiaran



Seindah Memori

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Majlis Profesor Negara (MPN) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di atas kerjasama strategik dalam merealisasikan kewujudan Program Advokasi Ilmuwan yang dianjurkan di setiap universiti awam (UA) seluruh negara.

Penganjuran program melibatkan golongan ilmuwan ini memberi ruang kepada rakyat untuk berkongsi maklumat mengenai pelbagai isu-isu strategik negara seperti cukai barang dan perkhidmatan (GST), bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), rumah mampu milik, keselamatan negara, politik, pendidikan, governan dan perundangan, alam sekitar serta beberapa isu semasa yang sentiasa menjadi perhatian.

Sesungguhnya, perbincangan dan kupasan dalam Program Advokasi Ilmuwan ini dapat membantu merungkai kekeliruan rakyat terhadap sesuatu isu yang diburukkan lagi dengan kesamaran maklumat yang diperolehi daripada sumber berita tidak sah di laman-laman sosial.

Dengan kehadiran program ini secara tidak langsung memberi ruang kepada agensi berita memaparkan idea bernas dan segar untuk diketengahkan sebagai bahan berita kepada pihak kerajaan, industri berkaitan dan masyarakat. Semoga penghasilan buku Program Advokasi Ilmuwan ini dapat memberi rujukan kepada pihak berkepentingan yang memerlukan maklumat lebih mendalam terhadap setiap isu perbincangan. Akhir kata, saya berharap agar sinergi strategik ini akan terus berkekalan di masa hadapan.

Datuk Abdul Aziz Ishak

Ketua Pengarang Kumpulan Utusan



Prakata

Program Advokasi Ilmuwan hasil kerjasama strategik Majlis Profesor Negara (MPN), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Utusan Malaysia menzahirkan komitmen untuk menyerlahkan lagi peranan dan sumbangan para profesor sebagai pemikir negara yang dapat mengungkap persoalan semasa yang melibatkan kepentingan negara dan global melalui media. Dalam musim pertama ini, Advokasi Ilmuwan telah menjelajah semua universiti awam (UA) di negara. Topik yang dipilih adalah perkara yang menjadi tujahan dan nic penyelidikan setiap universiti.

Usaha mendokumentasikan koleksi perbincangan Advokasi Ilmuwan ini sangat wajar kerana ia dapat menjadi rujukan kepada semua bagi mendapatkan pandangan bernas terhadap isu dan polemik yang berlaku dalam dan luar negara. Koleksi perbincangan ini diperkukuhkan lagi dengan sentuhan Penulis Tamu MPN melalui sinopsis, nota hujung, rujukan dan petikan terpilih bagi memudahkan kefahaman pembaca.

Adalah diharapkan agar buku *Membitara Transformasi dan Kesejahteraan Malaysia* ini dapat dimanfaatkan oleh kita semua bagi memberi pencerahan kepada pembaca dan masyarakat secara keseluruhannya. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam proses penerbitan buku ini khususnya ahli panel Advokasi Ilmuwan, Penulis Tamu MPN, Sekretariat MPN, MPN *Chapter* Universiti (MPU), Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM), RTM, Utusan Malaysia dan semua UA yang terlibat sebagai hos penganjuran bersama. Semoga usaha seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Raduan Che Rose
Kamaruddin M. Said
Mohd. Izani Mohd. Zain
Putrajaya, Mei 2018



PENGENALAN

Program Advokasi Ilmuwan adalah projek berjenama hasil kerjasama strategik Majlis Profesor Negara (MPN), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Utusan Malaysia yang telah dimulakan sekitar 2015. Program ini menyerlahkan lagi peranan dan sumbangan para profesor sebagai pemikir negara dan intelek awam yang dapat mengangkat polemik berkaitan isu semasa sama ada melibatkan kepentingan negara dan global melalui media. Dalam musim pertama ini, Advokasi Ilmuwan telah menjelajah semua universiti awam (UA) di negara. Topik yang dipilih adalah perkara yang menjadi tujahan dan nic penyelidikan setiap universiti. MPN sangat menghargai kerjasama UA yang telah bersama-sama menjayakan program ini khususnya dalam soal menyediakan lokasi rakaman dan memastikan penyertaan penonton.

Sejak Advokasi Ilmuwan diperkenalkan, pelbagai isu telah dikupas dan dianalisis. Advokasi Ilmuwan sedaya upaya ingin menterjemah denyut nadi rakyat dan mempersembahkannya secara intelek lagi rasional. Antara isu yang menjadi pilihan adalah sekuriti makanan, sistem pendidikan negara, polemik dan pencapaian universiti dalam ranking, masa depan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), simbiosis akademia dan industri, ketidakseimbangan gender di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), pencemaran alam sekitar, pemilikan rumah, kesejahteraan rakyat di Sarawak, potensi Malaysia sebagai hab halal global, kuasa media sosial, Islam dalam dampak globalisasi, implikasi GST, nasib kumpulan B40 dan pencapaian Wawasan 2020.

Topik *GST: Kemelut dan Langkah ke Hadapan* merumuskan bahawa tanggapan GST yang mencengkam kehidupan pengguna lebih terarah kepada persepsi masyarakat. Kemelut ini timbul akibat daripada kecelaruan dan pemahaman yang lemah berkaitan dengan kebaikan sistem GST pada semua peringkat lapisan masyarakat daripada agensi kerajaan, ahli politik sehinggalah ketua masyarakat. Hakikatnya, langkah-langkah mengimbangi impak GST seperti bantuan tunai BR1M dan pengurangan cukai pendapatan telah membantu mengurangkan beban kos hidup rakyat. Walau bagaimanapun, keberkesanan GST dalam mengurangkan harga barangan dan perkhidmatan terhad disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, pendidikan kepenggunaan dan peranan persatuan pengguna yang masih rendah. Kedua, penguatkuasaan oleh agensi berwajib yang tidak menyeluruh akibat daripada kekangan kakitangan.

Topik *Islam Tergugat?* menjelaskan bahawa kelemahan umat Islam berpunca daripada faktor luaran dan dalaman. Dalam konteks faktor luaran, panel berhujah kelemahan umat Islam disebabkan oleh impak penjajahan yang mengakibatkan kemunduran mereka. Faktor Islam membawa gagasan dan pemikiran yang berbeza dengan Barat, khususnya dalam konteks demokrasi yang menjunjung kebebasan individu dan liberal telah memburukkan lagi keadaan. Islam dilihat bercanggahan dengan institusi demokrasi dan idea kemajuan Barat. Perbincangan menginsafi, kedudukan umat Islam yang tergugat bukan hanya disebabkan oleh faktor luaran, tetapi turut disumbangkan oleh faktor dalaman. Menurut ahli panel, isu kelemahan umat Islam dalam aspek penguasaan ekonomi dan perpecahan natijah persaingan politik telah menyumbang kepada tergugatnya umat Islam. Hal ini dirumitkan lagi dengan pertelingkahan umat Islam dalam perkara cabang dalam agama dan bukan isu pokok yang sewajarnya menjadi keutamaan.

Topik *Sistem Pemerintahan Malaysia Rapuh?* merumuskan bahawa sistem pemerintahan Malaysia bukanlah rapuh, tetapi masih boleh diperkukuhkan lagi dengan mengambil kira soal pemantapan pelaksanaan dalam institusi penting demokrasi seperti perlembagaan, pengasingan kuasa dan konsep semak dan imbang. Faktor institusi raja, nilai integriti, pendidikan dan ajaran agama juga penting dalam memastikan demokrasi dan sistem pemerintahan Malaysia dilaksanakan mengikut acuan kita sendiri.

Topik *Pendidikan di Malaysia Goyah?* menyifatkan bahawa sistem pendidikan Malaysia bukanlah rapuh, tetapi sentiasa memerlukan penambahbaikan terutama dari konteks sistem sedia ada, sokongan kepada guru serta kemahiran asas. Dalam konteks Malaysia, antara aspek tambah baik yang diperlukan adalah lima tunjang utama, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Hakikatnya, bukan mudah melahirkan insan yang kukuh intelek tetapi tidak mudah terperangkap dalam persoalan etika. Antara kaedah pembelajaran yang dibincangkan ialah *learning to be* yang meraikan pelajar sebagai individu yang bertanggungjawab belajar tanpa kebergantungan kepada guru. Hal ini dilihat dalam dua aspek iaitu dari segi pembelajaran sendiri tanpa guru dan pembelajaran dengan aplikasi teknologi.

Topik *2020: Jurang Semakin Melebar?* menegaskan bahawa jurang ekonomi akan terus melebar jika tidak ada peranan yang dimainkan. Jurang ekonomi boleh diukur dengan menggunakan pekali Gini yang akan menggambarkan keadaan ekonomi di negara kita. Perkara yang lebih ketara adalah jurang perbezaan tenaga kerja antara lelaki dengan wanita menjadi lebih ketara apabila wanita lebih mendominasi tenaga kerja kerana adanya peluang yang ditawarkan dan wujud peruntukan khas untuk wanita bagi mengimbangi tugas di rumah dan di tempat kerja. Pendekatan yang boleh digunakan dalam liberalisme ekonomi adalah sama ada pasaran bergerak bebas dan campur tangan dengan pemerintah untuk meletakkan kuota pendidikan bagi etnik-etnik tertentu.

Topik Keserantauan: Jiran atau Sempadan? mencadangkan bahawa sudah sampai masanya untuk ASEAN, memberi anjakan paradigma terhadap kewujudan mereka, bukan hanya sebagai satu blok yang bersifat “persatuan” tetapi harus bergerak ke atas satu aras yang bersifat “regionalisme” itu sendiri. Tambahan pula, ASEAN sebagai satu blok atau kerjasama serantau dilihat punya potensi yang cukup besar untuk muncul bukan sahaja sebagai satu kuasa blok politik serantau tetapi juga sebagai satu kuasa ekonomi serantau yang sangat berpotensi. Hakikat ini diperkukuhkan dengan keberadaan dan elemen sepunya sosio-budaya yang wujud dalam kalangan anggota ASEAN itu sendiri, iaitu keserumpunan.

Topik Media Sosial: Positif atau Negatif? mengupas polemik impak media sosial melalui tiga perspektif; iaitu pandangan pakar, pandangan penguasa tempatan dan daripada aspek keselamatan siber. Perbincangan merumuskan bahawa media sosial membawa kedua-dua kesan baik dan buruk kepada penggunaanya, namun persoalan penggunaan ini selalu berbalik kepada sikap manusia, iaitu bagaimana manusia mengurus penggunaan teknologi sehingga tidak menyeleweng daripada tujuan penggunaan, malah mendapat manfaat untuk diri sendiri dan negara.

Topik Sudah Sejahterakah Rakyat Sarawak? merumuskan bahawa kesejahteraan dan pembangunan Sarawak seperti mana juga entiti-entiti politik lain dalam Persekutuan Malaysia adalah bersifat dalam proses dan sedang dibangunkan. Dalam kata lain ia satu proses pembangunan bagi kesejahteraan rakyat Sarawak yang berterusan sifatnya dan senantiasa cuba ditambah baik dari semasa ke semasa oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab khususnya Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Untuk berlaku adil, adalah tidak tepat sama sekali untuk menyatakan bahawa Sarawak semenjak bersetuju untuk membentuk Persekutuan Malaysia, langsung gagal menikmati tahap pembangunan yang signifikan; dan tidak juga betul untuk menyatakan bahawa tahap kesejahteraan, kemandirian dan pembangunan Sarawak masa kini sudah mencapai tahap yang konstruktif.

Topik Nasib B40 Pantai Timur: Tiada Masa Depan? mendapati bahawa golongan B40 masih lagi mempunyai masa depan untuk menaikkan taraf hidup mereka sehingga mencapai pendapatan bagi golongan pertengahan M40. Akan tetapi, mereka sendiri perlu berusaha untuk keluar daripada kepompong kebiasaan. Panel berpendapat bahawa usaha ini mampu dilakukan ekoran adanya bantuan kerajaan dan juga sektor korporat termasuk institusi pengajian tinggi. Selain itu, pemikiran sebahagian masyarakat perlu diubah supaya taraf hidup golongan ini dapat ditingkatkan. Di samping itu, halangan dari sudut budaya dan geografi harus dipecahkan oleh golongan muda B40 ini bagi membolehkan mereka menuju kepada pembangunan untuk meningkatkan pendapatan. Hal ini berikutan Pantai Timur mempunyai pelbagai sumber untuk diterokai dengan menggunakan cara yang lebih berinovasi.

Topik *Hab Halal: Malaysia Berjaya?* membangkitkan bahawa untuk menjadi sebuah hab halal global, Malaysia perlu mempunyai tahap piawaian dan kayu pengukur yang boleh diguna pakai oleh mana-mana negara di dunia. Kolaborasi dengan badan pensijilan halal di luar negara adalah antara usaha penting bagi mencari kesefahaman dan persamaan dalam piawaian halal. Bagi mendepani industri halal yang dinamik, masyarakat Islam itu sendiri perlulah meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkenaan produk halal, agar kekekuatan kepenggunaan dapat mendesak industri agar dapat mematuhi piawai halal yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Dengan penerimaan piawaian halal oleh masyarakat Islam dan bukan Islam di peringkat antarabangsa, hasrat untuk menjadi hab halal global pada tahun 2020 akan tercapai.

Topik *Umat Islam Menolak Sains?* menegaskan bahawa umat Islam tidak boleh menolak sains. Hal ini kerana al-Quran sendiri menganjurkan ayat-ayat yang mempunyai hubung kait dengan bidang sains. Misalnya, kajian yang dijalankan Institut Islam Hadhari menunjukkan daripada 800 ayat dalam al-Quran, 12.5 peratus daripadanya berhubung kait dengan sains. Hal ini turut jelas jika melihat daripada aspek sejarahnya. Umat Islam adalah pencetus dan peneraju ilmu sains dan teknologi seperti al-Biruni yang mengkaji dan mengetahui bumi mengelilingi matahari. Namun yang nyata, sains dan teknologi adalah tunjang Islam, sebagaimana usaha mengintegrasikan ilmu naqli (al-Quran) dan aqli (akal atau sains).

Topik *Ke Mana Arah Tuju Bidang Pendidikan Tinggi Teknikal?* merumuskan bahawa tiga isu penting berkaitan cabaran pendidikan tinggi teknikal di negara yang masih perlu ditangani. Pertama, isu persepsi yang membelenggu masyarakat khususnya ibu bapa apabila mereka masih melihat pendidikan teknikal sebagai pendidikan kelas kedua dan hanya untuk mereka yang tidak cemerlang. Kedua, isu governan, iaitu merujuk kepada pengurusan antara beberapa kementerian dan institusi pembekal pendidikan tinggi teknikal. Panel mengakui bahawa ketidakseragaman antara kementerian dan institusi pembekal pendidikan tinggi teknikal di negara mendesak kepada penubuhan satu badan induk yang boleh menangani isu-isu berkaitan sumber manusia secara strategik. Ketiga, isu pengiktirafan yang pernah berlaku bagi mengiktiraf kerjaya sebagai teknologi untuk berkhidmat dalam sektor kerajaan. Melalui perbincangan dalam Advokasi Ilmuwan ini, panel bersetuju bahawa bagi melonjakkan TVET di negara ini, semua kementerian dan institusi pembekal tidak boleh lagi bergerak secara bersendirian atau *in silo*, sebaliknya bekerjasama khususnya dalam menangani isu penyediaan sumber manusia berkemahiran tinggi negara.

Topik *Sekuriti Makanan Negara: Sampai Bila?* menyimpulkan bahawa Malaysia perlu memastikan empat dimensi utama sekuriti makanan, iaitu ketersediaan makanan, kebolehcapaian makanan, penggunaan makanan dan kestabilan makanan tercapai. Cabaran bagi para ilmuwan di universiti adalah berkeupayaan untuk meningkatkan lebih banyak lagi penyelidikan yang membolehkan pengeluaran makanan dan produktiviti sektor pertanian yang berasaskan makanan dapat ditingkatkan. Universiti penyelidikan juga disaran agar membangunkan teknologi pertanian dengan melibatkan petani, industri, usahawan, pemegang taruh dan pembuat dasar.

Topik *Keusahawanan di Malaysia: Adakah Sudah Mencukupi?* merumuskan enam aspek utama untuk menjayakan keusahawanan di Malaysia. Antaranya, reka bentuk kurikulum di universiti yang memerlukan kepada perubahan dari segi reka bentuknya sendiri, penyampaian dan penilaian yang menekankan kepada ciri-ciri keusahawanan. Dari segi penyampaian kurikulum, subjek keusahawanan perlu menjadi subjek wajib kepada semua pelajar sebelum bergraduat. Di samping itu, aspek latihan kepada pensyarah umpamanya *Training of Trainers (TOT)* perlu diberi perhatian bagi menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam mata pelajaran lain. Selain itu, pensyarah yang sedia ada di universiti perlu berganding sama dengan pensyarah yang mempunyai pengalaman industri agar dapat mendedahkan pelajar kepada dunia usahawan. Panel berpandangan kolaborasi dengan pelbagai pihak dapat membentuk satu mikrosistem keusahawanan yang dapat membantu bakal usahawan daripada peringkat idea sehinggalah ke peringkat yang terarah kepada pengkomersialan sesuatu produk atau perkhidmatan yang mana boleh memenuhi keperluan pasaran semasa. Hanya apabila kesemua pihak bergerak senada seirama, gagasan keusahawanan di Malaysia pasti dapat dipertingkat dan dimantapkan.

Topik *Perumahan di Malaysia: Mampu Milik atau Mampu Tengok?* menjelaskan bahawa bagi menangani isu rumah mampu milik, semua pihak termasuk pengguna, pemaju, pengamal perundangan, kerajaan negeri dan tempatan perlu melihat masalah perumahan ini sebagai tanggungjawab sosial bagi membenarkan semua orang mempunyai kemampuan untuk memiliki rumah idaman yang selesa dan berkualiti. Kajian menunjukkan bahawa harga rumah adalah empat kali ganda dari pendapatan isi rumah. Ini sangat membimbangkan pengguna terutama generasi muda dan mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah. Di Malaysia, rata-rata rakyat Malaysia tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri. Malahan, sejak lima tahun kebelakangan ini menyaksikan kebanyakan negeri mengalami kenaikan harga rumah antara 30 hingga 70 peratus secara purata.

Topik *Ranking Universiti di Malaysia: Adakah Relevan?* menyerlahkan dua pandangan berbeza terhadap sistem ranking universiti masa kini. Pandangan pertama menyokong sistem ranking sebagai penanda aras dan melihat ranking memberi pilihan kepada pelajar, industri dan pengantarabangsaan. Pandangan kedua pula meragui sistem ranking yang mampu menilai kualiti dan tahap kecemerlangan sebenar IPT. Ahli panel berhujah, sistem ranking hanya mengambil kira pencapaian universiti berdasarkan kriteria-kriteria tertentu dan bukan pencapaian universiti secara menyeluruh. Justeru, sistem ranking tidak mencerminkan kekuatan sebenar sesebuah universiti. Selain itu, sistem ranking juga telah mengubah fungsi asal sesebuah universiti. Di sebalik perbincangan hangat ini, satu rumusan dapat dicapai dalam Advokasi Ilmuwan, iaitu universiti tidak boleh mengelak daripada sistem ranking yang telah sedia ada. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, universiti perlu mempertahankan falsafah dan asas penubuhannya agar tidak bercanggah dan lari daripada matlamat sebenar. Melalui pendekatan ini, satu keseimbangan boleh dicapai oleh universiti agar tidak terlalu taksud kepada sistem ranking sehingga mengabaikan fungsi asal sebuah universiti sebagai gedung ilmu dan taman pemikiran.

Topik *Ketidakseimbangan Gender di IPTA: Perlu Diubah?* memperingatkan bahawa sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera, ia boleh memberi implikasi yang amat besar pada masa hadapan dari segi agama, sosio budaya, pekerjaan dan kepimpinan kerana secara lazimnya lelaki perlu mendahului dalam pelbagai aspek. Hasil diskusi ini, input yang diperoleh dapat memberikan solusi yang tepat kepada semua pihak bagi tujuan penggubalan dasar-dasar baharu atau penambahbaikan kepada dasar-dasar dan sistem yang sedia ada berhubung dengan perkara ini. Namun begitu, walaupun sistem pendidikan diubah umpamanya, pelajar perempuan sedaya upaya mengikuti arus perubahan demi memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh sekolah, Institut Pengajian Tinggi dan kerajaan. Pokok pangkalnya, bukan keseimbangan yang perlu dicari tetapi perlu melihat peluang kepada setiap pelajar untuk mendapat pendidikan yang harus diutamakan.

Topik *Terjaminakah Keselamatan di Sabah?* mempertegas bahawa dalam konteks kehidupan bernegara dan bermasyarakat moden, persoalan keselamatan adalah tanggungjawab kolektif bagi setiap warga. Sehubungan itu ia juga perlu ditangani secara komprehensif, atau dalam ertikata lain tidak hanya bergantung kepada pendekatan militari semata-mata. Kewaspadaan dan pengurusan kawalan terhadap keselamatan kedaulatan negara memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh mencakupi aspek ketenteraan dan bukan ketenteraan. Dalam kata lain, aspek keselamatan kedaulatan negara tidak hanya boleh ditangani semata-mata berdasarkan kepada pendekatan ketenteraan.

Topik *Pencemaran Alam Sekitar: Tiada Penyelesaian?* mendapati bahawa bagi proses pembangunan negara yang membangun, secara langsung akan memberi masalah kepada alam sekitar. Ini kerana, isu alam sekitar berkait rapat dengan ekonomi yang mana melibatkan analisis kos-faedah. Analisis ini perlu dilakukan dengan penuh berhemah dan beretika. Adalah amat penting bagi semua pihak untuk bekerjasama, komited dan memainkan peranan masing-masing serta tidak menuding jari sebelah pihak sahaja dalam mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Topik *Kerjasama Universiti-Industri: Apa Masalahnya?* merumuskan bahawa terdapat tiga isu penting berkaitan cabaran hubungan universiti dan industri di negara. Pertama, tahap keberkesanan atau impak daripada hubungan universiti dan industri masih rendah. Kedua, wujud konflik apabila graduan yang diajar untuk mereka cipta tetapi hanya melaksanakan peranan menggunakan teknologi sedia ada. Ketiga, cabaran birokrasi dalam proses menghubungkan industri dalam ekosistem universiti. Di sebalik isu dan cabaran yang dibangkitkan, ahli panel bersetuju bahawa hubungan antara universiti dan industri sebenarnya boleh diperkukuh kerana kedua-duanya saling memerlukan. Melalui perbincangan dalam Advokasi Ilmuwan ini, panel bersetuju bahawa bagi melonjakkan lagi hubungan universiti dan industri di negara, kedua-dua pihak perlu mencari formula untuk memperkukuhkannya. Strategi seperti menubuhkan konsortium dan mengenalpasti institusi perantara boleh memperteguh tahap kerjasama universiti dan industri ke arah lebih baik. Kedudukan universiti dalam negeri atau wilayah tertentu, perlu mengambil manfaat kewujudkan pihak industri di sekeliling atau berdekatan dengan mereka.

Topik *Benteng Pertahanan Negara: Ilmu Akademik atau Ketenteraan?* menyimpulkan bahawa adalah menjadi keperluan terhadap pemahaman akademik dan ilmiah berhubung dengan persoalan keselamatan. Ia juga satu keperluan wajib yang sangat penting untuk diikat umpama “aur dengan tebing” antara akademik dan ilmu ketenteraan dalam mengurus serta mendepani cabaran keselamatan nasional masa kini. Lebih-lebih lagi, aspek keselamatan kini semakin kompleks dan meliputi isu tradisi dan tidak tradisi yang memberi kesan kepada keselamatan insan pada jangka masa panjang.

Melihat kepada sambutan yang menggalakkan, MPN mendokumentasikan hasil perbincangan dalam Advokasi Ilmuwan ini agar ia boleh ditatap dan menjadi rujukan pihak berkepentingan. Penulisan buku ini dijayakan oleh para penulis yang dilantik khas oleh MPN dikenali sebagai Penulis Tamu MPN. Mereka terdiri daripada ahli akademik muda yang berdedikasi, berpotensi dan banyak menghasilkan penulisan akademik termasuk penulisan popular di media tempatan.

Bagi mengekalkan keaslian wacana dalam Advokasi Ilmuwan, buku ini memaparkan teks soal jawab ahli panel dalam bentuk verbatim. Walau bagaimanapun, beberapa perubahan perlu dibuat khususnya dalam konteks gaya bahasa bagi melancarkan lagi kupasan isu tanpa mengubah maksud asal. Untuk memudahkan lagi pembaca memahami hasil perbincangan Advokasi Ilmuwan, buku ini turut menyediakan sinopsis, nota hujung, rujukan dan petikan. Tidak dinafikan, proses menyediakan bahan ini sememangnya bukan satu perkara yang mudah, justeru mengambil masa yang panjang dan melalui proses yang rumit, namun ia sangat penting bagi menjamin kualiti penerbitan buku ini.

Penerbitan buku ini juga sangat signifikan sempena ulang tahun kelahiran MPN yang kelapan (2010-2018). Justeru, adalah besar harapan MPN agar buku ini dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu dan pengukuhan advokasi kepada masyarakat. MPN percaya, semua kupasan ahli panel wajar diambil perhatian serius oleh pihak berkepentingan sebagai salah satu cara untuk mendapat input sebelum memperkenalkan apa-apa dasar dan polisi.

Akhir kata, MPN ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan program Advokasi Ilmuwan musim pertama ini. Kini, MPN bersama RTM dan Utusan Malaysia sekali lagi berganding bahu menjayakan Advokasi Ilmuwan musim kedua dengan pendekatan yang sedikit berbeza. MPN berharap Advokasi Ilmuwan musim kedua ini akan lebih berjaya dan sudah tentu mengambil kira pencapaian dan lompang dalam pelaksanaan musim pertama. Selain itu, ia dapat menyerlahkan lagi lebih ramai profesor sebagai pemikir negara dan intelek awam yang teguh memberi sumbangan kepada masyarakat demi negara. Selamat membaca dan memberi sokongan kepada MPN untuk terus membitara transformasi dan kesejahteraan Malaysia.



GST

Kemelut dan Langkah ke Hadapan

AHLI PANEL

Profesor Dr. Jamal Othman

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Profesor Dr. Kamil Mohd Idris

Universiti Utara Malaysia (UUM)

Profesor Dr. Asan Ali

Kementerian Pendidikan Malaysia

Guna Selan a/l Marian

Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

Mohammad Sabri Saad

Jabatan Kastam Diraja

PENGACARA

Datuk Zaini Hassan

Utusan Malaysia

LOKASI

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

TARIKH


30 Jun 2015

PENULIS

Mohd. Yusof Saari



Walaupun sistem percukaian GST telah dilaksanakan di lebih 160 buah negara, iaitu dua pertiga daripada negara di dunia ini, kebanyakan rakyat Malaysia melihat sistem percukaian ini tidak sesuai dipraktikkan.



SINOPSIS

Pada 1 April 2015, Malaysia telah memperkenalkan sistem percukaian baharu, iaitu Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau *Goods and Services Tax* (GST) yang menggantikan sepenuhnya sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau *Sales and Services Tax* (SST). Dalam komuniti ASEAN, Malaysia merupakan negara kelapan yang menguatkuasakan pelaksanaan GST selepas beberapa negara seperti Laos (2009), Kemboja dan Vietnam (1999), Singapura (1993) dan Thailand (1992). GST merupakan cukai kepenggunaan yang berasaskan kepada konsep nilai ditambah. Dalam sistem GST ini, cukai dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan di setiap peringkat pengeluaran dan pengedaran dalam rantai pembekalan. Secara praktikal dan empirikal, pelaksanaan sistem GST mampu meningkatkan kecekapan ekonomi melalui pengurangan kos perniagaan kepada pihak pengeluar.

Walaupun sistem percukaian GST telah dilaksanakan di lebih 160 buah negara, iaitu dua pertiga daripada negara di dunia ini, kebanyakan rakyat Malaysia melihat sistem percukaian ini tidak sesuai dipraktikkan. Ia memberi gambaran wujud jurang antara jangkaan teori dan amalan GST di Malaysia. Persepsi kebanyakan masyarakat pada masa ini merasakan GST mencengkam kehidupan pengguna. Namun adakah situasi ini suatu realiti? Atau ia hanyalah persepsi masyarakat? Jika benar ia adalah realiti, apakah punca menyebabkannya berlaku? Bicara Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara (MPN) diadakan bagi mengupas kemelut GST dalam masyarakat pada hari ini.

Hasil perbincangan bersama dengan panel pakar merumuskan tanggapan bahawa GST mencengkam kehidupan pengguna sebenarnya lebih terarah kepada persepsi masyarakat. Kemelut ini timbul akibat kecelaruan dan pemahaman yang lemah berkaitan kebaikan sistem GST pada semua peringkat lapisan masyarakat daripada agensi kerajaan, ahli politik sehinggalah ketua masyarakat. Hakikatnya, langkah-langkah mengimbangi impak GST seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan pengurangan cukai pendapatan telah membantu mengurangkan beban kos hidup rakyat. Walau bagaimanapun, keberkesanan GST dalam mengurangkan harga barangan dan perkhidmatan terhad disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, pendidikan kepenggunaan dan peranan persatuan pengguna yang masih rendah. Kedua, penguatkuasaan oleh agensi berwajib yang tidak menyeluruh akibat kekangan kakitangan.

DATUK ZAINI HASSAN Pengacara

Tajuk forum pada kali ini adalah satu tajuk yang amat positif dan progresif iaitu berkenaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau *Goods and Services Tax* (GST). Perbincangan terarah kepada kemelut dan langkah ke hadapan. Selepas GST dilancarkan pada 1 April 2015 baru-baru ini, terdapat kekeliruan dalam masyarakat berkenaan sistem percukaian baharu ini. Untuk rekod, sebelum daripada ini negara mengamalkan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau *Sales and Services Tax* (SST). Umum mengetahui kadar cukai SST adalah 10 peratus, iaitu lebih tinggi berbanding GST yang hanya dikenakan sebanyak enam peratus. Walaupun sistem GST telah dilaksanakan di lebih 160 buah negara iaitu dua pertiga daripada negara di dunia, rakyat Malaysia melihat bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan sistem percukaian ini. Adakah itu merupakan suatu persepsi ataupun realiti? Adakah rakyat memahami sistem percukaian tersebut? Selain itu, forum ini juga ingin menyentuh sama ada benar berlakunya manipulasi daripada peniaga dalam menangani isu ini. Persepsi kebanyakan masyarakat pada masa itu merasakan GST mencengkam kehidupan pengguna. Adakah perkara tersebut benar? Jika benar adakah ia menjadi suatu kemelut yang berlaku dalam masyarakat sekarang?

Untuk mengupas lanjut isu GST ini, Advokasi Ilmuwan telah menjemput lima orang ahli panel yang terdiri daripada Prof. Dr. Jamal Othman, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Prof. Dr. Kamil Mohd Idris, Universiti Utara Malaysia (UUM); Prof. Dr. Asan Ali, Pengarah Projek GST, Kementerian Pendidikan Malaysia; Guna Selan a/l Marian, Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Mohammad Sabri Saad dari Jabatan Kastam Diraja.

Prof. Asan, kesedaran dan kecelikan tentang soal kepenggunaan dalam kalangan rakyat lebih terbuka berbanding dahulu. Kesedaran terhadap kepenggunaan semakin menyerlah dan hampir mencapai tahap sebagaimana sebuah negara maju. Bagi sebuah negara maju, pengguna diibaratkan seperti raja, maka peniaga perlu lebih bertanggungjawab dengan pengguna kerana pengguna boleh mengambil tindakan kepada peniaga. Contohnya, pengguna boleh mendapatkan semula bayaran jika mereka memulangkan semula baju yang dibeli tetapi situasi begini belum berlaku berlaku di negara kita tetapi tahap kesedaran tersebut dijangka akan mula melonjak selepas ini. Apakah pandangan Prof. tentang hak-hak dan sikap pengguna tentang kepenggunaan itu sendiri?

PROFESOR DR. ASAN ALI Panel

Pengguna adalah golongan yang sangat penting bagi sesebuah ekonomi kerana dua faktor penentu utama. Pertama, pengguna menentukan kerajaan yang akan memerintah. Kedua, pengguna menentukan peniaga mana yang untung dan peniaga mana yang rugi. Di Malaysia, kefahaman kepenggunaan ini sedang meningkat tetapi agak perlahan jika dibandingkan dengan negara maju yang lain. Lebih banyak persatuan pengguna di Malaysia harus ditubuhkan. Walaupun terdapat kewujudan persatuan pengguna, tetapi ia lebih banyak mendesak kerajaan daripada mendesak peniaga. Ditambah lagi dengan kuasa persatuan peniaga yang lebih kuat berbanding dengan kuasa persatuan pengguna. Akhirnya, objektif utama penubuhan persatuan pengguna sukar dicapai kecuali semua bangun bersama-sama dan menjadi ahli kepada persatuan pengguna. Semua jabatan dan agensi kerajaan serta universiti perlu mewujudkan persatuan pengguna sendiri. Pada masa hadapan, pergerakan dan kesedaran kepenggunaan dijangka akan bertambah kuat. Perkara yang paling penting sekali adalah persatuan pengguna mestilah lebih kuat daripada persatuan pengeluar.

DATUK ZAINI HASSAN Pengacara

Pemerhatian mendapati sepanjang proses pelaksanaan GST ini, penglibatan daripada persatuan pengguna amat kurang sekali.

Prof. Kamil, GST adalah bersamaan dengan cukai nilai ditambah atau *value added tax* (VAT)¹ di United Kingdom (UK). Di UK, ada yang menyatakan bahawa VAT ini diibaratkan seperti cukai *Robin Hood*, iaitu cukai yang dikutip daripada orang kaya diagihkan kepada orang miskin melalui program kebajikan seperti faedah pengangguran. Apakah perbezaan antara UK dengan Malaysia dari segi faktor kebajikan tersebut? Adakah Prof. Kamil bersetuju dengan pendapat yang mengatakan GST diibaratkan seperti cukai *Robin Hood*?

PROFESOR DR. KAMIL MOHD IDRIS Panel

Sebenarnya dalam pelaksanaan GST, dua kumpulan telah dikenalpasti, iaitu kumpulan bukan pembayar cukai dan kumpulan pembayar cukai. Bagi kumpulan bukan pembayar cukai, kebajikan mereka dijangka akan menurun dengan pelaksanaan GST dan untuk mengatasinya, beberapa langkah telah diperkenalkan seperti BR1M. BR1M bukanlah satu perkara yang baharu kerana program yang sama telah diperkenalkan di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS). Contohnya, ketika saya menuntut di AS, kerajaan Malaysia hanya memberi bantuan kewangan sebanyak USD250 sedangkan bayaran sewa rumah yang perlu dibayar adalah USD150. Walau bagaimanapun,

bantuan sebanyak USD295 telah diberikan oleh kerajaan AS dalam bentuk setem makanan (*food stamp*) yang boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan seperti beras, gandum dan susu.

Sistem *food stamp* melibatkan kos tambahan kepada urusan pentadbiran dan pengurusan kerana ia perlu dicetak sebelum diagihkan kepada golongan yang layak. Justeru itu, ada kemungkinan kerajaan membuat keputusan pemberian BR1M dalam bentuk tunai bagi menjimatkan kos pentadbiran dan pengurusan. BR1M cukup untuk membantu mengurangkan beban GST kerana penerimanya terdiri daripada penduduk kampung dan orang miskin yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000. Pelajar juga turut dibantu melalui pemberian baucar buku yang berjumlah RM250. Selain daripada itu, kerajaan turut mengurangkan beban pembayar cukai dengan menurunkan kadar bayaran cukai bagi RM70,000 pertama sebanyak tiga mata kadar. Penurunan tiga mata kadar bermakna sebanyak RM2,000 dapat diijamatkan. Seterusnya, berlaku penurunan sebanyak tiga mata bagi kategori RM70,000 dan ke atas. Ini bermakna mereka yang berpendapatan RM100,000 akan mendapat enam mata kadar atau bersamaan dengan RM4,000. Pengiraan tersebut perlu ditonjolkan sebagai contoh bagi menentukan sama ada GST itu membebankan atau sebaliknya.

Bagi kumpulan pembayar cukai, ketidakjujuran dan kecurangan pembayar cukai menyebabkan kerugian kepada pihak kerajaan. Seksyen 4, Akta Cukai Pendapatan 1967 menetapkan bahawa pendapatan sampingan daripada pekerjaan kedua juga perlu dimaklumkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan rakyat tidak membuat pengiraan dalam cukai pendapatan. Justeru itu, GST sebanyak enam peratus ini diperkenalkan untuk mengatasi atau menutup kecurangan pembayar cukai. Kajian juga mendapati ketidakjujuran dan kecurangan juga wujud dalam sistem zakat di Malaysia. Dalam hal ini, jika setiap individu di Malaysia jujur ke atas pembayaran zakat, nescaya GST tidak akan timbul.

Ini bermakna mereka yang berpendapatan RM100,000 akan mendapat enam mata kadar atau bersamaan dengan RM4,000. Pengiraan tersebut perlu ditonjolkan sebagai contoh bagi menentukan sama ada GST itu membebankan atau sebaliknya

DATUK ZAINI HASSAN **Pengacara**

Prof. Jamal, masih terdapat rungutan yang wujud akibat daripada kelemahan dalam pelaksanaan GST. Sebagai salah seorang Profesor Ekonomi, apakah langkah-langkah untuk menambah baik sistem yang sedia ada ini?

PROFESOR DR. JAMAL OTHMAN **Panel**


Kebajikan negara akan meningkat jauh lebih baik apabila mengambil kira pendapatan kerajaan daripada GST. Kesan negatif akan wujud sekiranya tumpuan diberikan kepada kesan terhadap kebajikan pengeluar dan pengguna dengan jangkaan pengurangan sebanyak USD30 juta atau lebih kurang RM100 juta. Langkah-langkah seperti bantuan BR1M dan pengurangan cukai pendapatan ternyata memberi pampasan kepada kesan negatif dalam GST. Akhirnya, GST akan memberi impak positif dalam jangka masa panjang yang bergantung kepada perubahan gelagat kepenggunaan.

Terdapat empat cadangan penambahbaikan dalam sistem pelaksanaan GST ini. Pertama, pengguna harus mengetahui maklumat barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST. Adalah sangat wajar jika setiap barangan mempunyai label harga sama ada dikenakan GST atau tidak. Ini akan membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan produk yang dikenakan GST. Amalan sistem GST yang terbaik di dunia adalah seperti di Denmark yang mengenakan hanya satu kadar GST untuk semua barang dan perkhidmatan. Di Malaysia, terdapat tiga kadar yang berbeza iaitu pembekalan berkadar standard, pembekalan berkadar sifar dan pembekalan dikecualikan (Jabatan Kastam Diraja Malaysia, 2014).

Kedua, pengawalan dari segi gelagat pencatutan yang menjadi lumrah dalam perniagaan dan ini menjadi kesukaran untuk menurunkan harga berbanding dengan menaikkan harga. Untuk mengatasi masalah ini, peranan pengguna perlu diperkemas dan penglibatan pihak komuniti amat diperlukan. Pihak masyarakat setempat termasuk badan bukan kerajaan (NGO) boleh diberi kuasa pemantauan harga. Ketiga, perkemaskan mekanisme pemberian BR1M yang dapat mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup akibat daripada pelaksanaan GST. Walau bagaimanapun, BR1M wajar diberikan dalam bentuk bukan tunai seperti baucar yang boleh ditunaikan di kedai terpilih oleh kerajaan yang mudah untuk dikawal selia. Ini bagi memastikan baucar tadi hanya digunakan untuk membantu mengurangkan beban dan kesan kos sara hidup. Keempat, senarai barang dan perkhidmatan bawah kategori pembekalan berkadar sifar perlulah dikekalkan. Kerajaan perlu membuat hebahan senarai barang dan perkhidmatan ini dalam media massa secara meluas.

Buku Membitara Transformasi dan Kesejahteraan Malaysia ini bertitik tolak daripada program Advokasi Ilmuwan, iaitu program berjenama hasil kerjasama strategik Majlis Profesor Negara (MPN), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Utusan Malaysia yang telah dimulakan sekitar 2015. Program ini menyerlahkan lagi peranan dan sumbangan para profesor sebagai pemikir negara yang dapat mengangkat polemik berkaitan isu semasa sama ada melibatkan kepentingan negara dan global melalui media. Dalam musim pertama ini, Advokasi Ilmuwan telah menjelajah semua universiti awam (UA) di negara. Topik yang dipilih adalah perkara yang menjadi tujahan dan nic penyelidikan setiap universiti.

Bagi mengekalkan keaslian wacana dalam Advokasi Ilmuwan, buku ini memaparkan soal jawab ahli panel dalam bentuk verbatim. Walau bagaimanapun, beberapa perubahan dibuat khususnya dalam gaya bahasa bagi melancarkan lagi kupasan topik tanpa mengubah maksud asal. Untuk memudahkan lagi pembaca memahami hasil perbincangan Advokasi Ilmuwan, buku ini turut menyediakan sinopsis, nota hujung, rujukan dan petikan. Adalah besar harapan MPN agar buku ini dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu dan pendidikan awam kepada semua pihak berkepentingan di negara.



RADUAN CHE ROSE, PHD., adalah Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Setiausaha Agung Majlis Profesor Negara (MPN). Beliau pernah dilantik sebagai Penasihat Khas Menteri Pengajian Tinggi, Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

KAMARUDDIN M. SAID, PHD., adalah Timbalan Presiden dan Timbalan Setiausaha Agung Majlis Profesor Negara (MPN). Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Penerbit di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau pernah dilantik sebagai Wakil Naib Canselor (Provost), Kampus Antarabangsa Kuala Lumpur, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

MOHD IZANI MOHD ZAIN, PHD., adalah Profesor Madya di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga dilantik sebagai Felo Bersekutu di Majlis Profesor Negara (MPN) dan Setiausaha, Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT). Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Akhbar (SUA) Menteri Pengajian Tinggi dari 2009 hingga 2013.



Universiti Putra Malaysia Press
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-89468851/89468854
Fak : 03-89416172
E-mail : penerbit@upm.edu.my
Web : www.penerbit.upm.edu.my

ISBN : 9789673447961

